

**Jangan Terlalu Berpolitik Dalam Parlimen - Abu Zahar  
Bernama  
23 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang menasihati anggota-anggota Parlimen supaya jangan hanya berpolitik semasa persidangan tetapi hendaklah juga bertanggungjawab dalam meningkatkan martabat Dewan.

Beliau mengingatkan semua anggota Parlimen agar tidak terlalu mengikut sentimen dan emosi ketika berhujah tetapi hendaklah menyuarakan pandangan masing-masing secara profesional.

"Apabila kita (anggota Parlimen) dilantik, lupakanlah politik itu sementara... politik letak di luar, dalam Dewan marilah jawab soalan untuk memperelok martabat Dewan supaya rakyat dapat menikmati kesejahteraan.

"Jangan ikut emosi hingga menampakkan kurang ketamadunan dan tidak menghormati Dewan meskipun kita bebas menyuarakan pandangan dan kemukakan pendapat," katanya pada pelancaran buku tulisan bekas Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Ramli Ngah Talib berjudul "Mr.Speaker, Sir: From Kampung Boy to the Helm of Parliament" ("Tuan Yang Dipertua: Daripada Seorang Budak Kampung Sehingga Menjadi Peneraju Parlimen").

Buku berbentuk memoir itu menceritakan kisah hidup Ramli sejak zaman kanak-kanak serta aspek perlembagaan dan perundangan berhubung sistem demokrasi berparlimen. Ia dijual pada harga RM40 senaskhah untuk kulit lembut dan RM60 untuk kulit keras.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704272>